

19 AUG 1998

ANWAR-BELIAN BALIK SAHAM/I (LEAD)

KERAJAAN SEDANG PERTIMBANG CADANGAN PEMBELIAN BALIK SAHAM, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan untuk kerajaan membeli saham bagi menyokong Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Kita sedang mengkajinya," katanya apabila ditanya oleh pemberita mengenai perkara tersebut selepas satu upacara di mana Anwar menerima sumbangan bernilai RM10 juta daripada syarikat-syarikat tempatan bagi Dana Khas Negara.

Anwar berkata langkah ini yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan perlu dikaji dengan mengambil kira syarat-syarat Danamodal Nasional Bhd, Pengurusan Danaharta Nasional Bhd dan ekonomi pada umumnya.

Kedua-dua badan itu masing-masing telah ditubuhkan untuk mempermodalkan semula bank-bank bermasalah dan mengambil alih pinjaman-pinjaman tidak berbayar dari sistem perbankan.

Dr Mahathir telah menyebut tentang cadangan pembelian balik saham itu dan kenyataan beliau telah memberi kesan positif ke atas BSKL hari ini.

Indeks Komposit BSKL naik 8.81 peratus atau 27.81 mata kepada 343.47 manakala Indeks Emas menokok 6.78 mata kepada 88.22 dan Indeks Perusahaan melonjak 49.56 mata kepada 701.93 selepas kenyataan Dr Mahathir itu.

Pasaran saham Hong Kong, yang telah "diserang" spekulator baru-baru ini, juga meningkat mendadak hari ini selepas kerajaan Hong Kong memberi sokongan belian di pasaran.

Apabila diminta mengulas sama ada kerajaan akan menggunakan Tabung Haji untuk menyokong pasaran ekuiti tempatan, Anwar berkata, "Pernah dibuat sebelum ini. Terpulanglah kepada jawatankuasa pelaburan (Tabung Haji). Mereka boleh melabur dalam saham-saham halal."

Katanya, Tabung Haji dan juga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telahpun melakukannya dan mereka mempunyai panel pelaburan masing-masing untuk melabur dalam pasaran saham. KWSP telah melabur dalam jumlah yang besar pada masa lalu.

Terpulanglah kepada institusi-institusi ini untuk membuat keputusan tentang jumlah yang hendak mereka laburkan dalam pasaran saham berdasarkan kekuatan dan potensi masing-masing.

Ditanya pada tahap manakah kerajaan mahu BSKL berada, beliau menjawab, "tahap yang jauh lebih tinggi."

Tentang langkah kerajaan mengkaji kemungkinan mengenakan moratorium ke atas bank bagi mengelakkan mereka daripada menjual saham, Anwar berkata: "Keseluruhan semangat penyusunan semula hutang korporat ialah untuk tidak membenarkan bank atau syarikat mengambil keputusan terburu-buru meminta bayaran menampung kejatuhan harga atau menjual, ataupun mencari penyelesaian di mahkamah."

Katanya Bank Negara sedang dalam peringkat terakhir dalam rundingan untuk mempermodalkan semula bank-bank melalui Danamodal.

Bank pusat itu telahpun mengenal pasti bank-bank yang perlu dipermodalkan semula tetapi ini bukanlah tugas mudah kerana ia melibatkan penetapan harga dan kajian menyeluruh.

Bagi Danaharta, beliau berkata syarikat pengurusan aset itu telah mengadakan perbincangan serius dengan bank-bank dan syarikat-syarikat dan "diharapkan, dalam beberapa hari, kita boleh menjangkakan pengumuman positif," katanya.

Semasa diajukan soalan tentang "langkah-langkah memeranjatkan" yang dinyatakan oleh Dr Mahathir untuk memulihkan ekonomi Malaysia, Anwar

berkata, "Kita akan umumkan langkah-langkah itu bila tiba masanya nanti."

Tentang berapa cepat pengumuman ini akan dibuat, beliau berkata, "Bila kerajaan bersedia."

Beberapa pemberita asing sekali lagi bertanya kepada Anwar tentang kedudukannya dalam Kabinet.

Kepada soalan ini, Anwar menjawab, "Saya tidak faham kenapa orang asyik bertanya tentang perkara ini."

Baru-baru ini Anwar telah menolak spekulasi bahawa beliau akan meletakkan jawatan tidak lama lagi dengan berkata bahawa beliau masih memikul tanggungjawab sebagai menteri kewangan.

Beliau menegaskan bahawa khabar-khabar angin tersebut tidak berasas.

Beliau juga berkata kerajaan akan meneruskan usahanya untuk meminjam daripada sumber-sumber asing tidak lama lagi, tetapi enggan menyatakan bila.

--BERNAMA

AA/AD KY OS